

JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI TADBIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN	:	N5
GRED GAJI	:	GAJI MINIMUM RM1,650.00 GAJI MAKSIMUM RM6,620.00 KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM145.00
SYARAT LANTIKAN	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN	:	3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan) dan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N1 atau N2 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan: (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan (b) had umur pelantikan: (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.